

ANALISIS STILISTIK MELALUI PENGGUNAAN BAHASA DALAM NOVEL SASTERA INDIE: KARYA AZWAR KAMARUZAMAN

Mohd Khairul Adenan
Florence Gilliam Kayad
Muhammad Zaid Daud
Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman. Objektif kajian terarah kepada mengenal pasti fungsi penggunaan aspek diksi pada novel, menganalisis kesan penggunaan unsur bahasa dramatik dan mengenal pasti gaya peribadi penulis novel ini. Metodologi kajian melibatkan penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis teks novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman. Kajian ini menggunakan teori stilistik berlandaskan kepada Prinsip Webber (1989). Analisis juga melibatkan bacaan rapi dan teliti bagi tiap kata, frasa dan ayat bagi mengenal pasti aspek diksi dan unsur bahasa dramatik yang terdapat dalam novel tersebut. Hasil kajian mendapati penggunaan aspek diksi seperti slanga, dialek dan bahasa asing dapat memberi fungsi dalam novel ini misalnya, merealitikan latar-latar, mengenal pasti perwatakan, dan mewujudkan kesan kepada watak. Bagi kesan penggunaan unsur bahasa dramatik, analisis mendapati penggunaan tersebut dapat memberi kesan kepada konteks dan watak. Manakala gaya peribadi penulis novel ini banyak menggunakan slanga, dialek Utara dan gemar menggunakan penggunaan gaya bahasa hiperbola dan simile dalam novel *Nasi Kangkang*. Secara keseluruhannya, penggunaan Teori Stilistik ini dapat melihat gaya penggunaan bahasa dalam novel ini dan implikasi kajian ini adalah dapat memberi maklumat tentang definisi sastera Indie serta bagaimana gaya bahasa yang digunakan dalam karya-karya Indie.

Kata kunci: Penggunaan bahasa, novel, *Nasi Kangkang*; sastera Indie, stilistik

STYLISTIC ANALYSIS THROUGH LANGUAGE USE IN INDIE LITERATURE NOVEL: BY AZWAR KAMARUZAMAN

Abstract

The aim on this study is to analyse language use in the novel "Nasi Kangkang" by Azwar Kamaruzaman. The objective is to identify the function of applying the aspects of diction or lexical in the novel, to analyse the impact of the use of dramatic language and to identify the personal style of the novelist. This study involved the qualitative research based on the text of Nasi Kangkang. This research is using the theory of stylistic based on the Webber Principle (1989). The analysis involves a rigorous reading of each words, phrase and sentence because the researcher need to find the form and function of diction and dramatic language in the novel. The study found that the use of diction or lexical items like slang, dialect and foreign language can provide functionality to the storylines of the novel such as can identify the background, identify the characters and can gives impact on the character. While the analysis for impact of the use of dramatic language finds is can gives impact to contexts and character in the novel. For the personal style of the author in the novel, the authors use a lot of slang, "Dialek Utara" and prefer to use more the dramatic language like hyperbole and simile. Overall, the use of the theory of stylistics can shows through the style of the language that had been used in the novel. Implication of this study is to give some information about the definition of Indie Literary and how language uses in the Indie's novel.

Keywords: language use, novel, *Nasi Kangkang*, Indie literary, stylistics

PENGENALAN

Pemakaian bahasa dalam karya sastera mempunyai perbezaan antara sastera Indie dan sastera arus perdana atau *mainstream*. Perkataan *Indie* sebenarnya berasal dari perkataan bahasa Inggeris, iaitu singkatan dari perkataan *independent* yang bermaksud bebas, merdeka dan tidak bergantung pada yang lain (Joyce M. Hawkins, 2011). Sastera Indie adalah salah satu bidang baru dalam kesusasteraan Melayu moden yang semakin berkembang dan mendapat tempat, terutama dalam kalangan remaja. Antara pemilik syarikat buku Indie di rantau Asia adalah Sinaganaga (Singapura), Aloy Paradoks (Indonesia), Aisa Linglung (Indonesia), Faisal Mustafa (Malaysia) dan lain-lain. Di Malaysia, makin ramai penulis-penulis Indie yang semakin dikenali ramai misalnya Zul Fikri Zamir, Benz Ali, Azwar Kamaruzaman, Ismi F.A dan ramai lagi. Manakala syarikat-syarikat penerbitan buku Indie yang sering mengeluarkan karya-karya Indie di Malaysia seperti Lejen Press, DuBook Press, Studio Anai-Anai, Merpati Jingga, Poket Press dan pelbagai lagi. Sejak kebelakangan ini, ledakan buku sastera Indie di pasaran memberikan satu dimensi baharu kepada generasi muda hari ini dan telah menyuntik semula minat membaca yang kian hilang satu ketika dahulu. Menurut kajian Perpustakaan Negara Malaysia (PNM, 2005), purata rakyat Malaysia membaca hanya dua buah buku setahun, kemudian meningkat sebanyak 8 buah setahun pada 2010. Manakala jumlah penerbitan buku baru di negara ini pada tahun 2011 mencecah 16,000 buah yang membolehkan Malaysia berada pada kedudukan ke-23 daripada 110 negara di seluruh dunia dari aspek jumlah penerbitan buku. Novel sastera Indie merupakan salah sebuah bentuk prosa yang boleh dianggap unik, bebas dan ringkas. Karya sebegini tidak mudah untuk di hadami kerana mempunyai cara yang tersendiri untuk di hurai, di apresiasi serta di interpretasi. Novel sastera Indie mempunyai gaya bahasa yang tersendiri berbanding gaya dalam novel sastera-sastera lain. Kusnin dan Wahab (2016) mengatakan bahawa penggunaan bahasa dalam karya Indie banyak menggunakan perkataan atau diksi *casual* iaitu penggunaan bahasa yang tidak formal seperti dialek, slanga, kolokial dan sebagainya. Mereka juga berpendapat kebanyakan novel-novel Indie memiliki nama tajuk yang menarik dan pendek serta isinya lebih dekat dengan masyarakat. Perbezaan karya Indie dengan karya *mainstream* dapat dilihat melalui penggunaan bahasa dan ayat yang senang difahami dan ringkas manakala karya *mainstream* menggunakan gaya atau ayat yang kompleks. Selain itu, karya Indie lebih tertumpu kepada gaya moden iaitu menonjolkan bahasa slanga, kolokial dan penyingkatan kata. Manakala karya novel *mainstream* tertumpu kepada dunia tradisi Melayu iaitu tentang latar kekampungan. Perbezaan gaya bahasa antara karya Indie dengan karya *mainstream* dapat dilihat melalui kajian stilistik.

Kajian stilistik ini merupakan pengkajian karya sastera yang berorientasi linguistik atau penggunaan parameter linguistik dalam mengkaji karya sastera. Terdapat beberapa tokoh Barat telah memberi definisi tentang bidang stilistik antaranya ialah Leech dan Short (1984) menyatakan bahawa stilistik adalah kajian tentang kewujudan bahasa yang terdapat dalam karya sastera. Crystal (1985) mengatakan stilistik bermaksud gaya bahasa yang merujuk kepada jenis kaedah kajian linguistik tertentu semasa bahasa digunakan dalam ucapan masyarakat, seperti bahasa sains, undang-undang, agama, debat, sastera, atau bahasa kelas sosial yang berbeza. Kajian stilistik sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua perkara iaitu kajian tentang kelainan bahasa yang mengandungi bentuk gaya bahasa pengulangan, penyirnaan, perbandingan, pertautan dan pertentangan (Crystal, 1985). Kelainan bahasa juga termasuk peribahasa, sindiran dan gaya retorik. Ciri yang keduanya ialah pemakaian bahasa yang tercakup dalam bidang linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksik dan semantik. Oleh hal demikian, karya Indie dapat dilihat gaya bahasanya melalui penggunaan kajian stilistik. Menurut Hassan (1990) stilistik adalah ilmu tentang stail atau gaya yang dihubungkan dengan pemakaian atau penggunaan bahasa. Bidang stilistik bertujuan untuk menyerlahkan dan menunjukkan keupayaan pengarang atau penulis menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan pemikiran yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur-unsur estetika (Sujud, 2014). Dalam stilistik, keindahan bahasa ini diteroka dari segi bahasa dan linguistik. Di dalam kajian stilistik, karya sastera dihuraikan dengan menggunakan pendekatan linguistik dan tujuan utama ialah bagi melihat dan mengesan nilai estetika atau gaya pemakaian bahasa di dalam karya-karya sastera misalnya novel, sajak, cerpen dan sebagainya. Oleh itu, penerapan unsur linguistik-stilistik di dalam menilai karya sastera Indie sebenarnya dapat melihat gaya penggunaan bahasa yang digunakan oleh penulis-penulis Indie khususnya.

Analisis ini tertumpu kepada karya Azwar Kamaruzaman iaitu novel *Nasi Kangkang*. Beliau merupakan anak jati Baling, Kedah. Nama sebenar beliau ialah Mohamad Azwar Bin Kamaruzaman. Beliau dilahirkan pada 16/12/1994. Beliau juga merupakan pelajar Asasi Undang-undang di UiTM Merbok. Azwar merupakan anak sulung daripada 3 orang adik beradik. Azwar merupakan antara penulis muda Indie di Malaysia yang banyak menghasilkan karya-karya novel. Antara karya-karya beliau hasilkan adalah seperti novel *Babi: Bercinta Di Balik Api* (2013), novel *Nasi Kangkang* (2014), novel *Saka* (2014) dan *Antologi Cerpen Sepuluh Jahanam* (2014). Kajian ini adalah menggunakan novel *Nasi Kangkang*. Novel *Nasi Kangkang* dipilih kerana melalui pembacaan pengkaji mendapati banyak menggunakan diksi-diksi tertentu termasuklah dialek, slanga, bahasa asing dan sebagainya yang digunakan. Novel ini dipilih kerana memiliki sifat-sifat yang dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, novel ini banyak menggunakan bentuk sinkof kerana bersesuaian dengan sifat karya indie yang disasarkan pada golongan remaja yang gemar pada sesuatu (kata) yang ringkas dan *casual*.

Novel *Nasi Kangkang* ini banyak menggunakan aspek-aspek diksi merujuk kepada penggunaan dialek, slanga, bahasa asing, kolokial dan sebagainya yang digunakan. Novel ini juga tidak terkecuali menggunakan gaya repetisi dalam bahagian naratif. Sebaliknya, gaya novel ini lebih menonjolkan bentuk sinkof atau bentuk singkatan. Bentuk sinkof digunakan kerana bersesuaian dengan sifat karya indie yang disasarkan pada golongan remaja yang gemar pada sesuatu kata yang ringkas. Azwar Kamaruzaman meneroka gaya penulisan yang tersendiri dan berbeza dengan pengarang-pengarang lain. Beliau memanfaatkan daya kreativiti, reka cipta dan inovasi yang unik menerusi konsep verbal, dan visual dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang.

Berdasarkan kepada penelitian secara terperinci, didapati terdapat beberapa kajian mengenai stilistik dalam karya sastera oleh sarjana-sarjana di dalam negara mahupun di luar negara. Antaranya kajian sarjana dalam negara seperti Azhar (2005), Jaafar (2006), dan Suliman (2016) telah mengkaji tentang stilistik dalam karya novel dan puisi Melayu. Kajian-kajian mereka banyak tertumpu kepada karya sastera bersifat arus perdana atau sastera nasional dalam aspek-aspek seperti penggunaan gaya bahasa, leksikal, fonologi dan struktur ayat yang bertujuan untuk melihat pemikiran pengarang dalam mengolah cerita tersebut. Kajian sarjana-sarjana luar negara seperti Marwandi (2013), Marini (2010), dan Trisanto, Syam, dan Seli (2013) juga membincangkan tentang stilistik dalam karya sastera Melayu Indonesia seperti novel, cerpen dan puisi. Kajian-kajian mereka banyak menumpukan kepada jenis-jenis gaya bahasa yang digunakan dan gaya bahasa yang paling dominan digunakan dalam karya sastera tersebut.

Walau bagaimanapun, kajian yang terperinci dan mendalam berdasarkan fungsi penggunaan aspek diksi atau leksikal seperti penggunaan slanga, dialek, bahasa asing dan sebagainya dalam novel Indie adalah sangat terhad kajiannya. Selain itu, kajian mengenai kesan makna penggunaan unsur dramatik dalam novel Indie dan mengenal gaya peribadi penulis juga kurang diberi tumpuan oleh pengkaji-pengkaji lain. Hal ini merupakan perkara pokok yang ingin diangkat serta diselidiki oleh pengkaji untuk melihat tahap pemikiran penulis dan penggunaan bahasa dari segi fungsi dan kesan di dalam novel tersebut. Berdasarkan kepada pengamatan dan penelitian pengkaji, kajian yang dijalankan ini mempunyai perbezaan yang amat jelas dan ketara dengan kajian-kajian lain yang pernah dibuat oleh beberapa pengkaji lain sebelum ini kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada fungsi penggunaan aspek diksi, kesan penggunaan unsur dramatik dalam novel dan seterusnya dapat melihat gaya peribadi penulis novel *Nasi Kangkang* ini.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis dokumen atau teks. Kajian kualitatif menurut Bryman (2008) adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Analisis kandungan dokumen adalah alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkatkan kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji.

Kajian ini telah menggunakan bentuk analisis kandungan dokumen iaitu dengan menggunakan sebuah novel sastera Indie. Pengkaji yang mengguna pendekatan ini melakukan proses interpretasi teks yang bersifat interaktif (*interactive hermeneutic*). Bentuk analisis kandungan teks sastera ini bertujuan untuk menganalisis objektif kajian iaitu mengenal pasti fungsi penggunaan aspek-aspek diksi atau leksikal, menganalisis kesan penggunaan unsur bahasa dramatik dan seterusnya mengenal pasti gaya penulisan peribadi penulis novel *Nasi Kangkang*. Kajian ini berlandaskan kepada teori stilistik dan berpegang kepada prinsip teori stilistik J.J Webber (1989) untuk mencari bagaimana pemakaian dan penggunaan bahasa dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman. Prinsip Webber (1989) ini bertujuan untuk menganalisis fungsi penggunaan aspek diksi atau perkataan di dalam novel tersebut. Webber (1989) menyatakan bahawa fungsi penggunaan aspek diksi adalah dapat merealitkan latar-latar, mengenal perwatakan watak dan memberi kesan kepada watak.

Sebelum perbincangan lebih mendalam mengenai aspek metodologi kajian ini pengkaji merumuskan terlebih dahulu sinopsis novel ini.

Sinopsis Novel *Nasi Kangkang*

“ Novel ini mengisahkan ketika di universiti, watak Fahmie dan Badrina telah suka sama suka tetapi telah merahsiakan hubungan mereka hampir 3 tahun kerana berlandaskan agama Islam dan ingin bercinta selepas kahwin. Badrina merupakan gadis yang mempunyai pakej lengkap untuk seorang gadis kerana beliau seorang yang cantik, tertib, alim, menjaga aurat dan tutur kata serta bersopan, manakala Fahmie pula seorang lelaki yang begitu cintakan Badrina. Jack ataupun Jannah pula adalah seorang gadis yang agak bermasalah dan mempunyai rahsia peribadi yang agak tragis, namun menaruh hati pada Fahmie. Suhaili pula merupakan sahabat baik kepada Jack dan sentiasa bersama Jack dan dia ada menyimpan perasaan pada Jack. Ketika semester terakhir sebelum peperiksaan, akhirnya Badrina dan Fahmie berterus terang tentang hati masing-masing dan mengambil keputusan ingin bernikah. Semuanya berjalan lancar kerana ibu bapa kedua-dua belah pihak bersetuju untuk melangsungkan perkahwinan. Jack pula makan hati kerana tidak mungkin Fahmie akan memandangnya. Kisah bermula apabila Jack mengajak Fahmie bertemu untuk mengajar subjek Kimia sebelum peperiksaan. Jack cuba menggoda Fahmie, namun Fahmie berjaya mengelak namun situasi mereka berdua berjaya mengundang gosip-gosip di kampus. Badrina cuba mengawal perasaannya dan mendapatkan nasihat dari ibunya dan bermulalah rahsia keluarganya diperkisahkan. Seminggu sebelum bernikah, ibunya telah membawa Badrina ke Bukit Kayu Hitam untuk 'berubat' secara traditional. Dan secara tidak sengaja Jack terserempak Badrina di stesen minyak dan mula menaruh prasangka pada Badrina. Jack sebenarnya pernah di rogol oleh ayah kandung di hadapan ibunya dan selepas ibunya meninggal Jack telah lari dari rumah dan hidup seorang diri. Secara tiba-tiba ayahnya telah menghubunginya untuk meminjam wang. Jadi Jack telah mengajak Suhaili ke Bukit Kayu Hitam untuk membalas dendam terhadap ayahnya. Jadi dari situ Jack telah terserempak dengan Badrina. Pada malam perkahwinan Badrina dan Fahmie, Jack telah menelefon Fahmie dan memberi amaran padanya mengenai isterinya. Perbuatan ilmu hitam ini berakhir apabila Jack dan Suhaili telah memaksa Badrina untuk mengaku kesalahannya di depan keluarganya tentang penggunaan ilmu hitam kepada Fahmie. Badrina juga telah melanggar pantang larang dan telah berubah perlakuannya sehingga telah membunuh Jack dengan kejam. Manakala Suhaili telah membunuh Badrina, Fahmie dan ibu bapa Badrina.”

Dipetik dan diubahsuaikan daripada: Mohd Khairul Adenan (2017)

Novel ini dijadikan instrument utama untuk penyelidikan ini untuk mencapai persoalan-persoalan kajian yang disediakan. Novel *Nasi Kangkang* ini mempunyai 23 bab dan muka surat yang berjumlah 248. Selain itu, pengkaji menggunakan data korpus iaitu teks novel *Nasi Kangkang* yang bertujuan untuk mengelompokkan atau menyenaraikan penggunaan diksi atau leksikal seperti dialek, bahasa

asing dan slanga. Tambahan lagi, data korpus juga bertujuan untuk mengelompokkan dan menyenaraikan jenis-jenis unsur bahasa dramatik yang terdapat di dalam novel *Nasi Kangkang*.

Kajian ini menggunakan teks sastera iaitu novel *Nasi Kangkang* sebagai sumber utama untuk mengutip data. Proses kutipan data ini adalah bertujuan untuk menjawab segala persoalan dan objektif penyelidikan ini antaranya ialah mengenal pasti fungsi penggunaan aspek diksi atau leksikal seperti slanga, sinkof, dialek dan lain-lain di dalam novel, menganalisis kesan makna penggunaan unsur dramatik dan mengenal pasti gaya peribadi penulis novel *Nasi Kangkang*. Hal ini bertujuan untuk melihat bagaimana pemakaian dan penggunaan bahasa oleh Azwar Kamaruzaman dalam novel tersebut.

Langkah pertama dalam mengutip data penyelidikan adalah memilih bidang yang mahu dikaji. Penyelidikan ini merupakan bidang stilistik iaitu seni bahasa yang digunakan dalam karya-karya sastera. Seterusnya, pengkaji memilih instrument yang ingin dikaji iaitu novel sastera Indie *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman. Dalam langkah ini, pengkaji juga akan membina tajuk yang sesuai untuk penyelidikan yang bersesuaian dengan bidang kajian tersebut.

Data dikutip berdasarkan analisis dokumen atau teks sastera untuk menjawab segala objektif-objektif kajian. Kutipan data akan dimulakan dengan membaca berulang kali novel *Nasi Kangkang* bagi mengetahui jalan cerita dan isi novel tersebut. Seterusnya, pengkaji menganalisis setiap ayat dalam novel tersebut bagi mencari dan menyelesaikan jawapan kepada persoalan kajian. Selepas itu, data akan dikutip melalui proses data korpus yang bertujuan untuk mengelompokkan dan menyenaraikan jenis-jenis diksi dan jenis-jenis unsur bahasa dramatik yang terdapat dalam novel *Nasi Kangkang*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini pengkaji akan membincangkan tentang analisis data objektif-objektif bagi kajian ini iaitu fungsi penggunaan aspek diksi, kesan penggunaan unsur dramatik dan seterusnya mengenal pasti gaya peribadi penulis dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman dengan menggunakan prinsip Webber (1989) dan kaedah Jaafar (2001)

ANALISIS FUNGSI PENGGUNAAN ASPEK DIKSI DALAM NOVEL NASI KANGKANG

Penggunaan aspek diksi atau leksikal seperti dialek, slanga, bahasa asing dan sebagainya dalam karya sastera khususnya novel oleh pengarang atau penulis mempunyai fungsi atau peranan tertentu. Hal ini untuk membuat karya sastera itu lebih indah penggunaan bahasanya agar dapat menarik minat pembaca. Penggunaan aspek diksi seperti dialek, slanga, bahasa asing dan sebagainya dapat memberikan karya sastera itu lebih dekat kepada pembaca novel Indie khususnya. Fungsi-fungsi penggunaan aspek diksi menurut prinsip Webber (1989) adalah seperti merealisasikan latar-atar dalam karya, dapat mengenal dan mengidentifikasikan perwatakan, dan dapat memberi kesan kepada watak yang terdapat dalam novel ini.

UNTUK MEREALITIKAN LATAR DALAM NOVEL NASI KANGKANG

Latar merupakan gambaran tentang di mana, bila dan siapa yang ditonjolkan dalam karya novel. Latar mempunyai tiga jenis iaitu latar tempat, latar masa dan latar masyarakat. Oleh itu, hasil analisis novel *Nasi Kangkang*, latar-atar yang dapat digambarkan adalah latar tempat dan latar masyarakat.

i. LATAR TEMPAT

Latar tempat sangat penting dalam sesebuah novel kerana memiliki fungsi untuk menggambarkan atau menunjukkan di mana suatu kejadian atau peristiwa itu terjadi. Dengan penggunaan aspek diksi atau leksikal sebenarnya dapat menghidupi atau merealisasikan latar-atar dalam novel *Nasi Kangkang*. Misalnya, penggunaan dialek Utara dapat menggambarkan latar kekampungan dalam novel *Nasi Kangkang*. Hasil analisis data seperti:

-“Eh, awat hang balik? Bukan cuti dua hari ja ka?”
“Amboi mak! Anak mak nak balik pon salah ka?”
“Bukan salah. Hang dah la balik tak habaq apa-apa”.
“Adik-adik hang la ni. Mak dah berbuih mulut dok berletiaq dekat depa”. (m/s 72)

Petikan 1: Untuk merealitikan latar tempat

“Diam lah mak! Bising lah mak ni. Hari ini cek malas pi sekolah. Penat!”
“Hang tak payah nak mengada-ngada. Hang bangun lekiah! Satgi aku naik atas rumah tampaq hang apa tak jadi”
“Ikut suka mak lah nak buat apa-apa pun. Cek malas nakpi. Penat sangat-sangat ni. Lagipun pi sekolah bukan cek pi mengaji. Cek pi usya jantan ja mak.”
“Yang penting aku nak hang pi sekolah. Semalam cikgu disiplin dah mai serang aku. Dia dok tanya awat hang tak pi sekolah!”
“Ni awat yang dok bising-bising ni?”
“Pagi-pagi dah cari pasai dengan saya. Ada patot dia tak mau pi sekolah”. (m/s 40)

Petikan 2: Untuk merealitikan latar kekampungan

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, penggunaan dialek Utara seperti *awat, hang, habaq, berletiaq* dan lain-lain dapat menggambarkan bahawa situasi tersebut adalah di kampung. Dalam petikan 1, pengarang novel *Nasi Kangkang* menggambarkan seorang anak yang pulang ke kampung dan berbual bersama emaknya dengan menggunakan dialek Utara. Manakala petikan 2 menggambarkan keadaan apabila seorang emak mengejutkan anaknya untuk pergi ke sekolah. Hal ini untuk menunjukkan bagaimana realiti dan keadaan sebenar apabila berada di kampung iaitu dengan menggunakan dialek untuk berkomunikasi. Penggunaan dialek ini telah menjadikan jalan cerita novel *Nasi Kangkang* berada dalam realiti di kampung.

ii. LATAR MASYARAKAT/SOSIAL

Penggunaan aspek diksi seperti slanga yang terdapat dalam novel *Nasi Kangkang* dapat menggambarkan sesuatu kelompok masyarakat misalnya golongan remaja atau pelajar universiti. Latar masyarakat atau sosial sebenarnya dapat ditonjolkan dengan penggunaan slanga. Misalnya:

“dia muslimah sejati. Kan aku ni orang cakap **minah rempit**”. (m/s 8)
“Badrina seorang gadis **hipster** bertudung labuh”. (m/s 12)
“haa...tu baru sikit dia kena **menganjing** dengan kawan-kawannya yag memandang rendah pada dia”. (m/s 19)
“Hah **bro!** Story sikit apa yang berlaku tadi?” (m/s 31)

“Kami **usha** kau dating tadi”. (m/s 32)

“Tapi Ina takut **terkantoi** dengan Fahmie buat benda-benda ni”.

(m/s 122)

“Kau tu yang **sangap** dengan aku, sesuka hati kau nak tuduh aku!”

(m/s 225)

“Sempat lagi dia membuat memek muka yang agak **sengal**”. (m/s 99)

“Kalau **kantoi** Ina seorag je tak pe. Ni sekali ummi dengan abi pon **terkantoi**, matilah kita”. (m/s 162)

Petikan 3: Untuk menggambarkan masyarakat pelajar

Slanga ialah penggunaan bahasa yang tidak rasmi dan ungkapan-ungkapan yang tidak dianggap sebagai standard dalam dialek atau bahasa. Slanga dapat disifatkan sebagai *mainan bahasa* kerana penutur bebas menggunakan bahasa tanpa memikirkan kegramatisan sesuatu perkataan atau ayat tersebut sehingga ia dapat membentuk sesuatu makna yang baharu ataupun berlainan daripada makna asalnya (Muhammad Zaid Daud, 2017). Slanga sering dijumpai di kawasan kosa kata yang merujuk kepada perkara-perkara yang dianggap tabu. Slanga sering digunakan untuk mengenal pasti seorang rakan dan walaupun ia mungkin biasa di kalangan orang muda, ia juga digunakan oleh semua peringkat umur dan kumpulan sosial. Tetapi dalam novel *Nasi Kangkang* penggunaan slanga menerangkan dan menggambarkan golongan remaja dan pelajar universiti. Watak-watak dalam novel ini seperti Badrina, Fahmie, Jack dan sebagainya merupakan pelajar di sebuah universiti. Oleh itu, penggunaan slanga seperti dalam petikan 3 ini dapat menggambarkan latar masyarakat atau sosial iaitu golongan remaja dan pelajar universiti.

DAPAT MENGENAL DAN MENGIDENTIFIKASIKAN PERWATAKAN

S. Othman Kelantan (1987), menghuraikan bahawa watak merupakan satu gambaran tentang pelaku yang memegang peranan dalam novel atau cerita, sama ada watak itu manusia atau binatang. Watak juga dimaksudkan sebagai tokoh dalam sesuatu cerita atau novel. Maksudnya di sini adalah watak merupakan orang yang akan diwujudkan dalam sesebuah cerita dan menjadi penggerak dalam cerita yang ditulis. Manakala perwatakan pula adalah perihal watak seseorang atau watak dalam sesebuah cerita. Perwatakan ini menunjukkan tingkah laku dari segi mental dan pemikiran sesuatu watak. Oleh hal demikian, penggunaan aspek diksi atau leksikal oleh sesuatu watak sebenarnya dapat menggambarkan keperibadian atau perwatakannya.

A. BADRINA

Dalam novel *Nasi Kangkang*, watak utamanya adalah Badrina yang digambarkan seorang yang alim, bertudung labuh dan sopan-santun. Hal ini dibuktikan melalui penggunaan aspek diksi iaitu bahasa asing oleh Badrina. Misalnya penggunaan perkataan bahasa Arab atau unsur Islamik seperti:

“Tapi dah memang agama Islam menyuruh menjaga **ikhtilat** antara lelaki dan perempuan”. (m/s 12)

- “**Astaghfirullah hal’azim.**” Dia beristighfar”. (m/s 15)

- “Kau ni, cepat sangat percaya cakap orang. Kita kena sentiasa **husnuzon** dengan orang lain” (m/s 97)

- “Alang-alang tu, kita ajak diaorang join **usrah** kita”.
- “Pakai jubah dengan tudung labuh tapi otak diorang tepu. Kosong. Hanya mementingkan agama dan sanggup meninggalkan kehidupan dunia. Tu namanya orang panggil **jumud**”.(m/s 33)
- “Sebut saja Sister Ina, seluruh pelosok hotel kenal. Al-maklumlah, ketua **naqibah** untuk seluruh kolej”.
- (m/s 67)

Petikan 4: Penggunaan Unsur Islamik

Contoh dalam petikan 4 menggambarkan bagaimana perwatakan Badrina di dalam novel *Nasi Kangkang*. Dengan penggunaan bahasa Arab atau Islamik oleh pengarang terhadap watak Badrina dapat menjelaskan bahawa perwatakan Badrina adalah seorang perempuan yang alim atau tahu tentang hukum-hukum agama Islam khususnya. Hal ini demikian kerana, pengarang telah menggunakan bahasa Arab seperti *husnuzon*, *iktilat*, *usrah* dan sebagainya untuk diguna pakai oleh watak Badrina. Oleh itu, dalam novel *Nasi Kangkang* perwatakan Badrina sebenarnya seorang wanita muslimah, ketua naqibah atau ustazah di kolej dan alim tentang agama.

Di samping itu, perwatakan Badrina juga adalah seorang wanita yang penampilan dan berpakaian moden. Hal ini dibuktikan melalui penggunaan aspek diksi iaitu slanga oleh pengarang novel *Nasi Kangkang*. Penggunaan slanga dapat menggambarkan keperibadian watak Badrina yang sangat mengikut trend berpakaian. Misalnya:

- “Badrina seorang gadis **hipster** bertudung labuh”. (m/s 12)
- “Laju saja si gadis **hipster** berjubah dan bertudung labuh membebel”. (m/s 28)
- “Lagipun aku kan gadis **hipster** dalam iman”. (m/s 33)
- “Se **hipster** mana pun orang tu, tapi kalau berbicara dengan ibu bapa mestilah menggunakan suara yang lembut dan rendah”. (m/s 75)

Petikan 5: Penggunaan Slanga

Hipster merupakan seseorang yang mempunyai penampilan dan berpakaian moden. Contoh di dalam petikan 5 dapat mengidentifikasikan perwatakan Badrina yang tidak ketinggalan dalam berfesyen walaupun bertudung labuh. Pengkaji mendapati perwatakan Badrina dalam novel *Nasi Kangkang* selain seorang yang alim, tetapi beliau juga mementingkan pemakaian yang tidak kekampungan atau kemelayuan tetapi lebih kepada pemakaian moden. Oleh itu, penggunaan slanga *hipster* dapat menerangkan perwatakan watak utama Badrina yang lebih mengenakan penampilan moden.

Tuntasnya, penggunaan aspek diksi seperti bahasa asing dan slanga jelas dapat mengenal dan mengidentifikasikan perwatakan Badrina yang dilambangkan sebagai seorang yang alim tentang agama tetapi gemar atau suka berpakaian moden.

B. JACK ATAU JANNAH

Jack atau Jannah merupakan watak antagonis dalam novel *Nasi Kangkang* kerana sering menimbulkan permasalahan. Hasil analisis data, pengkaji mendapati perwatakan Jack ini adalah seorang yang degil atau keras kepala. Perwatakan Jack ini dapat dilihat melalui penggunaan diksi iaitu dialek Utara. Misalnya:

“Diam lah mak! Bising lah mak ni. Hari ini cek malas pi sekolah. Penat!”
“Hang tak payah nak mengada-ngada. Hang bangun lekiah! Satgi aku naik atas rumah tanpaq hang apa tak jadi”
“Ikut suka mak lah nak buat apa-apa pun. Cek malas nakpi. Penat sangat-sangat ni. Lagipun pi sekolah bukan cek pi mengaji. Cek pi usya jantan ja mak.” (m/s 40)

Petikan 6: Penggunaan Dialek Utara

Berdasarkan contoh pada petikan 6 dapat dilihat bahawa perwatakan Jack ini sangat degil kerana beliau malas pergi ke sekolah walaupun sudah dipaksa oleh emaknya. Dialek di atas juga dapat melihat perwatakan Jack yang melawan cakap emaknya untuk tidak pergi ke sekolah. Oleh itu, penggunaan aspek diksi atau leksikal sebenarnya boleh menunjukkan perwatakan seseorang di dalam sesebuah novel.

DAPAT MENIMBULKAN KESAN DALAM NOVEL

Setiap karya novel dapat memberikan kesan kepada watak-watak yang terdapat di dalam novel tersebut. Kesan-kesan ini dapat dilihat apabila menggunakan aspek-aspek diksi. Kesan yang biasa timbul dalam sesuatu novel adalah kesan emosi seperti marah, sedih, gembira, takut dan sebagainya. Dengan penggunaan aspek diksi seperti dialek, slanga dan lain-lain, kesan emosi ini dapat dilihat dan dihayati oleh pembaca novel *Nasi Kangkang*. Misalnya:

“Kurang ajar kau jantan. Dah.. Jom **blah!**” (m/s 134)
“Dah lah! Pergi **blahla** bodoh!” (m/s 158)
“Aku cakap kau **blah** dari sini sekarang! Kau **blah** bodoh!!!”
(m/s 175)
“Aku cakap kau **blah**, kau **blah** lah bodoh!!!” (m/s 175)

Petikan 7: Untuk menggambarkan kesan marah

Petikan 7 ini menunjukkan bahawa penggunaan slanga “blah” dapat memberi kesan emosi marah kepada watak. Hal ini demikian kerana penggunaan perkataan ‘blah’ ini bermaksud menghalau seseorang. Timbul kesan emosi marah kerana perkataan ‘blah’ telah diikuti dengan perkataan ‘bodoh’. Penggunaan perkataan ‘bodoh’ kepada seseorang dapat menimbulkan kesan marah kepada watak yang mendengarnya. Contoh di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan slanga ‘blah’ dan memanggil seseorang dengan perkataan ‘bodoh’ boleh memberi kesan marah kepada watak yang ditujukan dengan perkataan tersebut.

Selain itu, penggunaan aspek diksi seperti slanga juga dapat menimbulkan kesan emosi takut. Apabila sesuatu watak berasa takut, maka pembaca turut merasa perkara yang sama. Hal ini demikian kerana kesan emosi ini dikaitkan dengan teori kesan dan akibat. Kesan dibawa oleh watak dalam

novel akan memberikan akibat kepada pembaca turut merasai kesan emosi tersebut. Dalam novel *Nasi Kangkang*, kesan emosi iaitu perasaan takut telah ditonjolkan oleh watak utama. Sebagai contoh:

“tengok-tengok dah **kantoi** awal lagi!”(m/s 35)

“takut-takut juga dia **terkantoi**” (m/s 51)

“Tapi Ina takut **terkantoi** dengan Fahmie buat benda-benda ni”. (m/s 122)

“Takut-takut segala rancangan yang berjalan, **terkantoi** di tengah jalan”.

(m/s 160)


“Kalau **kantoi** Ina seorang je tak pe. Ni sekali ummi dengan abi pon **terkantoi**, matilah kita”. (m/s 162)

Petikan 8: Untuk menggambarkan kesan takut

Penggunaan slanga ‘kantoi’ bermaksud rahsia yang akan diketahui orang lain. Situasi dalam petikan 8 ini lebih kepada perasaan takut watak utama iaitu Badrina yang risau akan rahsianya yang membuat ritual nasi kangkang kepada suaminya Fahmie akan diketahui suaminya. Kesan takut ini akan memberi impak yang besar dalam novel *Nasi Kangkang* kerana perasaan takut ini dapat memberikan watak tersebut menjadi tidak tentu arah di dalam novel tersebut.

ANALISIS KESAN PENGGUNAAN UNSUR BAHASA DRAMATIK DALAM NOVEL

Kekuatan dan keindahan sesebuah karya khususnya novel banyak bergantung kepada eksploitasi bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatik. Unsur bahasa dramatik juga dikenali sebagai gaya bahasa. Aminuddin (1995) mengemukakan bahawa gaya bahasa merupakan cara yang digunakan oleh pengarang dalam memaparkan gagasannya sesuai dengan tujuan dan kesan yang ingin dicapai. Hasil analisis data dalam novel *Nasi Kangkang*, pengkaji mendapati terdapat 4 unsur bahasa dramatik seperti hiperbola, metafora, simile dan personifikasi. Penggunaan unsur dramatik atau gaya bahasa sebenarnya dapat menimbulkan kesan kepada konteks atau situasi dan kesan kepada watak yang terdapat di dalam novel tersebut (Jaafar, 2001).



Rajah 1: Peratusan Unsur Bahasa Dramatik

Berdasarkan analisis dari novel *Nasi Kangkang*, mendapati penggunaan simile lebih memonopoli dalam novel tersebut iaitu sebanyak 55% atau 12 contoh. Manakala penggunaan hiperbola kedua tertinggi iaitu 27% dan penggunaan personifikasi dan metafora sebanyak 9%. Penggunaan unsur bahasa dramatik dalam novel ini sebenarnya telah mewujudkan kesan-kesan terhadap sesuatu situasi, plot dan juga kesan kepada watak tertentu. Pengkaji hanya membuat analisis kesan penggunaan simile

dan hiperbola sahaja kerana gaya bahasa tersebut merupakan yang paling kerap digunakan di dalam novel *Nasi Kangkang* ini.

KESAN PENGGUNAAN SIMILE KEPADA WATAK

Simile merupakan perbandingan sesuatu perkara dengan perkara yang lain dengan menggunakan kata bandingan iaitu seperti, umpama, bak, bagai dan sebagainya. Penggunaan simile ini berfungsi untuk menimbulkan kesan penegasan maksud dan menimbulkan keindahan dan kesan di dalam karya sastera khususnya novel *Nasi Kangkang*.

a. JACK/ JANNAH

Jack atau Jannah merupakan seorang yang penuh dengan masalah perasaan hati. Penggunaan simile pada muka surat 8 iaitu "*Kau penyebab aku hampir-hampir gila!! **Bagaikan orang tidak siuman***" telah memberi kesan kepada Jack yang telah jatuh hati kepada seorang lelaki. Beliau dikatakan bagai tidak siuman kerana sanggup mencuri gambar lelaki tersebut pada papan kenyataan universiti untuk dibuat peneman. Oleh hal demikian, penggunaan simile tersebut telah memberikan kesan kepada Jack dimana dapat menjelaskan bahawa Jack sangat mencintai lelaki tersebut. Selain itu, penggunaan simile "*Dia bukannya perempuan besi seperti Maznah Hamid*" (m/s 29) juga telah menggambarkan tentang keadaan hati wanita iaitu Jack. Hal ini demikian kerana, berdasarkan pengamatan pengkaji pada muka surat 29 yang menerangkan tentang keadaan Jack yang berusaha untuk melupakan lelaki yang dicintainya tetapi tidak mampu. Sebagai bukti, "*Dia sendiri sudah berikhtiar. Dia sendiri sudah berusaha sedaya upaya untuk melupakan jantan tersebut. Tapi apakah daya*" (m/s 29). Oleh itu, penggunaan simile ini menjelaskan tentang hati perempuan iaitu hati Jack yang lembut dan tidak sekuat orang lain.

Di samping itu, bagi penggunaan simile "*Gossip itu menyebabkan Jack merasa seperti terkena renjatan elektrik yang paling kuat voltannya*". (m/s 60) telah mewujudkan perasaan terkejut Jack apabila mendengar satu berita. Hal ini demikian kerana, pada muka surat 60 menerangkan tentang isu perhubungan Badrina dengan Fahmie yang sudah diketahui oleh orang ramai. Oleh itu, penggunaan simile tersebut menggambarkan perasaan terkejut Jack apabila mendapat tahu tentang berita tersebut kerana Fahmie merupakan lelaki yang dicintai oleh Jack.

Bagi penggunaan simile "*Jack terpekik bagaikan orang gila*" (m/s 176) dapat menggambarkan keadaan Jack yang sangat marah terhadap bapanya. Hasil pengamatan pengkaji pada muka surat 176, menerangkan tentang keadaan Jack yang ingin membalas dendam terhadap bapanya yang sudah membuatkan kehidupannya tidak tentu arah. Sebagai bukti, "*Kau tahu? Aku hidup merempat kerana kau jantan tak guna! Aku kena caci maki sebab kau!! Kau buat hidup aku jadi durjana!! Kau seksa hidup aku!! Kau seksa hidup mak aku!! Apa jenis manusia kau ni!! Kau bangsat!! Kau setan!! Kau Babi!!*" (m/s 176). Oleh itu, penggunaan simile tersebut dapat menggambarkan keadaan emosi Jack yang sangat marah sehingga membalas dendam terhadap bapanya yang telah memusnahkan kehidupannya.

b) BADRINA

Penggunaan simile "*Dan bau hanyirnya sama seperti bau darah haid wanita*" (m/s 227) telah memberi kesan kepada Badrina akibat daripada melanggar pantang larang perbuatan nasi kangkang. Hal ini demikian kerana, muka surat 227 menerangkan tentang isu pelanggaran pantang larang Badrina apabila beliau telah membaca Al-Quran sehingga memberi kesan tertentu. Sebagai bukti, "*Badrina masih tidak berhenti membaca Al-Quran. Semakin banyak dibaca, semakin bertambah besar nanah yang ada pada badannya*" (m/s 227). Oleh itu, penggunaan simile tersebut telah menggambarkan keadaan Badrina yang teruk apabila melanggar pantang larang Nasi Kangkang.

KESAN PENGGUNAAN SIMILE KEPADA KONTEKS

Penggunaan gaya bahasa simile juga boleh mendatangkan kesan kepada situasi-situasi tertentu yang terdapat di dalam novel ini. Hal ini demikian kerana penggunaan gaya bahasa ini dapat memberi

impak atau kesan yang besar kepada isu yang dibicarakan untuk situasi yang terdapat di dalam novel *Nasi Kangkang*.

Kesan yang dapat dilihat melalui contoh penggunaan simile “*Mukanya yang tampak bengis bagaikan si singa betina yang sudah tidak makan selama lapan bulan, hampir-hampir saja menggugur jantung setiap manusia dalam kelas tersebut*” (m/s 21). Konteks atau situasi bagi penggunaan simile ini adalah sewaktu di dalam bilik kuliah universiti. Penggunaan simile ini telah menjadikan konteks dalam bilik kuliah dalam keadaan yang sangat tegang kerana seorang pensyarah telah memarahi pelajarannya yang tidak menghantar kerja rumah yang telah disediakan. Sebagai buktinya, “*Kamu!!! Datang sini!! Madam Marina menjerit sambil ibu jari telunjuk dituding tepat ke arah muka Jack. Kuat gila bunyinya*”. Ayat tersebut memberi gambaran bahawa situasi ini berlaku di tempat belajar. Oleh itu, penggunaan simile tersebut menggambarkan keadaan bilik kuliah tersebut dalam keadaan yang tidak tenang dan membuatkan pelajar-pelajar berasa takut.

Selain itu, penggunaan gaya bahasa simile dapat menggambarkan perasaan kasih sayang ibu terhadap anaknya. Misalnya, “*bertubi-tubi soalan keluar daripada mulut umminya, bagai peluru yang keluar daripada senapang M-16*” (m/s 104). Contoh ini menerangkan situasi di mana perbualan telefon antara anak dengan ibu. Berdasarkan pengamatan pengkaji pada muka surat 104, ia menerangkan tentang keadaan Badrina yang mempunyai masalah dan telah menelefon umminya untuk memberitahu segala permasalahannya. Namun begitu, tidak sempat Badrina untuk memberitahu, umminya telah menanyakan dengan pelbagai soalan-soalan terlebih dahulu. Sebagai bukti, “*Eh! Kenapa dengan suara tu? Ina tak sihat ka? Dah pergi klinik? Teruk tak sakit Ina tu? Apa masalah Ina sebenarnya?*”. Oleh itu, penggunaan simile tersebut telah menggambarkan tentang tanda kasih sayang ibu terhadap anaknya.

Di samping itu, bagi penggunaan simile “*Badrina meneran kesakitan tatkala tengkuknya dihiris bagaikan seekor lembu yang mahu dikorban*” (m/s 238) yang berlaku pada konteks atau situasi pembunuhan Badrina. Penggunaan simile tersebut telah menjadikan situasi pembunuhan Badrina adalah satu pembunuhan yang kejam dan sangat tragis. Hal ini demikian kerana, pada muka surat 238 menerangkan tentang keadaan Badrina yang dibunuh hingga kepalanya tercabut atau terputus. Sebagai bukti, “*Jack berusaha sehinggalah kepala perempuan itu betul-betul tercabut daripada tubuhnya*” (m/s 238). Oleh itu, penggunaan simile tersebut telah menjadikan situasi atau konteks pembunuhan Badrina ini adalah sangat dahsyat dan kejam.

KESAN PENGGUNAAN HIPERBOLA KEPADA WATAK

Hiperbola merupakan sejenis bahasa kiasan untuk menyatakan sesuatu secara berlebihan-lebihan daripada maksud yang sebenarnya. Penggunaan hiperbola mampu menekankan sesebuah penerangan dengan lebih mendalam. Hasil analisis mendapati penggunaan hiperbola adalah yang kedua tertinggi di dalam novel *Nasi Kangkang* iaitu sebanyak 27%. Oleh itu, pengkaji akan menganalisis kesan penggunaan hiperbola kepada watak yang terdapat di dalam novel tersebut.

a) JACK/JANNAH

Penggunaan hiperbola “*Dia lemah bila nama jantan itu asyik memutar dalam kepala hotaknya*” (m/s 29) telah memberi kesan kepada Jack iaitu kesan daripada jatuh hati kepada seorang lelaki. Penggunaan hiperbola tersebut memberi gambaran tentang kesan apabila mengingati lelaki yang dicintai dan disayangi sehingga boleh menjadi lemah. Berdasarkan pengamatan pengkaji pada muka surat 29 ini, penggunaan hiperbola tersebut digunakan apabila watak Jack ini berusaha untuk melupakan lelaki yang dicintainya tetapi tidak berjaya kerana sentiasa mengingatinya. Oleh itu, penggunaan hiperbola tersebut telah memberi kesan kepada Jack apabila sukar untuk melupakan lelaki yang dicintainya dan Jack sentiasa mengingati lelaki tersebut sehingga mengalami perasaan yang lemah.

Selain itu, penggunaan hiperbola “*tak sanggup aku melihat manusia yang bertopengkan syaitan*” (m/s 117) telah memberi kesan emosi kepada Jack. Hal ini demikian kerana, pada muka surat 117 lebih menerangkan tentang keadaan Jack yang telah dirogol oleh bapanya sendiri. Oleh itu, Penggunaan hiperbola tersebut telah memberi kesan emosi marah atau benci Jack kepada bapanya sendiri akibat daripada perbuatan jahat bapanya.

b) BADRINA

Penggunaan hiperbola “*sampai dah menggelegak otak aku fikir pasal benda ni tau!*” (m/s 69) telah menggambarkan bahawa keputusan yang dibuat oleh Badrina adalah satu keputusan yang serius dan tidak main-main. Hal ini demikian kerana dalam muka surat 69 menerangkan tentang keadaan Badrina yang telah membuat keputusan untuk berkahwin. Oleh itu, penggunaan hiperbola tersebut memberi kesan kepada Badrina tentang keputusan yang dibuatnya adalah satu keputusan yang tidak main-main kerana beliau sudah berfikir masak-masak.

KESAN PENGGUNAAN HIPERBOLA KEPADA KONTEKS

Penggunaan hiperbola “*Mukanya yang tampak bengis bagaikan si singa betina yang sudah tidak makan selama lapan bulan, hampir-hampir saja menggugur jantung setiap manusia dalam kelas tersebut*” (m/s 21) yang digunakan pada konteks atau situasi di dalam bilik kuliah. Penggunaan hiperbola tersebut dapat menggambarkan keadaan pelajar di dalam bilik kuliah tersebut dalam keadaan yang takut. Hal ini demikian kerana, muka surat 21 menerangkan tentang seorang penyarah yang sangat marah pada seorang pelajarnya akibat tidak menghantar kerja khususnya. Sebagai bukti, “*Madam Marina menjerit sambil ibu jari telunjuk dituding tepat kea rah muka Jack. Kuat gila bunyinya*” (m/s 21). Oleh itu, penggunaan hiperbola “*hampir-hampir saja menggugur jantung setiap manusia dalam kelas tersebut*” dapat memberi gambaran tentang tahap ketakutan pelajar yang berada di dalam bilik kuliah atau kelas tersebut.


Selain itu, penggunaan hiperbola “*peluru itu merobek dan memakan perut setiap pelusuk manusia*” (m/s 237) yang digunakan pada konteks atau situasi pembunuhan keluarga Badrina yang tragis. Penggunaan hiperbola tersebut telah menjadikan perbuatan dan ilmu hitam Nasi Kangkang ini berakhir. Hal ini demikian kerana, penggunaan hiperbola tersebut telah menggambarkan keadaan keluarga Badrina yang dibunuh dengan tragis atau kejam oleh Jack dan telah menamatkan segala perbuatan Nasi Kangkang Badrina terhadap suaminya.

Kesimpulannya, penggunaan unsur dramatik sebenarnya boleh memberi kesan kepada konteks dan watak yang terdapat di dalam novel. Analisis mendapati kesan simile kepada watak lebih memberi kesan kepada watak Jack. Manakala penggunaan unsur bahasa dramatik memberi kesan kepada beberapa konteks yang terdapat di dalam novel ini. Analisis ini sebenarnya sangat berbeza dengan kajian-kajian lepas seperti kajian Marwandi (2013) dan Marini (2010) yang hanya memfokuskan kepada kekerapan penggunaan unsur bahasa dramatik atau gaya bahasa.

ANALISIS GAYA PERIBADI PENULIS

Setelah membuat tahap kekerapan penggunaan aspek diksi dan penggunaan unsur dramatik dalam novel ini, pengkaji dapat melihat atau mengenal gaya penulisan peribadi penulis novel *Nasi Kangkang* iaitu Azwar Kamaruzaman.

Hasil analisis mendapati gaya peribadi penulis dalam sesuatu karya novel dapat dilihat melalui penggunaan aspek diksi seperti slanga, dialek dan bahasa asing. Hasil kutipan data dalam novel *Nasi Kangkang*, pengkaji telah dapat mengumpul 56 contoh penggunaan aspek diksi. Hal ini dapat dilihat melalui kekerapan penggunaan aspek diksi dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman.



Rajah 2: Peratusan Aspek Diksi

Berdasarkan rajah 2, dapat dilihat penggunaan slanga dalam novel *Nasi Kangkang* adalah paling tinggi. Hal ini demikian kerana pengarang novel *Nasi Kangkang* iaitu Azwar Kamaruzaman baru berusia 23 tahun. Kebiasaannya, penggunaan slanga ini lebih dipelopori oleh golongan muda. Dengan itu, Azwar Kamaruzaman telah menjadikan novel beliau dipenuhi dengan penggunaan slanga iaitu sebanyak 54%. Hal ini dapat menunjukkan bahawa gaya peribadi penulis novel ini lebih banyak menggunakan slanga dalam novel *Nasi Kangkang*. Misalnya:

“*dia muslimah sejati. Kan aku ni orang cakap **minah rempit**”.* (m/s 8)

“*Badrina seorang gadis **hipster** bertudung labuh”.* (m/s 12)

“*haa...tu baru sikit dia kena **menganjing** dengan kawan-kawannya yag memandang rendah pada dia”.* (m/s 19)

“*Hah **bro**! Story sikit apa yang berlaku tadi?”* (m/s 31)

“*Kami **usha** kau dating tadi”.* (m/s 32)

“*Tapi Ina takut **terkantoi** dengan Fahmie buat benda-benda ni”.*
(m/s 122)

“*Kau tu yang **sangap** dengan aku, sesuka hati kau nak tuduh aku!”*
(m/s 225)

“*Sempat lagi dia membuat memek muka yang agak **sengal**”.* (m/s 99)

“*Dah lah! Pergi **blah** bodoh!”* (m/s 158)

Petikan 9: Penggunaan Slanga

Di samping itu, gaya peribadi penulis novel *Nasi Kangkang* ini banyak menggunakan dialek iaitu dialek Utara. Hal ini demikian kerana Azwar Kamaruzaman berasal dari Kedah. Oleh hal demikian, dapat dilihat banyak ayat-ayat dalam novel *Nasi Kangkang* yang menggunakan dialek Utara iaitu sebanyak 36%. Asal usul penulis boleh menunjukkan gaya peribadi kerana penulis ingin menonjolkan dialek negerinya dalam sesebuah novel. Penggunaan dialek Utara dalam novel *Nasi Kangkang* dalam menunjukkan gaya peribadi Azwar Kamaruzaman yang tidak meminggirkan bahasa ibunda beliau iaitu dialek Utara. Antaranya

“Diam lah mak! Bising lah mak ni. Hari ini cek malas pi sekolah. Penat!”

“Hang tak payah nak mengada-ngada. Hang bangun lekiyah! Satgi aku naik atas rumah tampaq hang apa tak jadi”

“Ikut suka mak lah nak buat apa-apa pun. Cek malas nakpi. Penat sangat-sangat ni. Lagipun pi sekolah bukan cek pi mengaji. Cek pi usya jantan ja mak.”

“Yang penting aku nak hang pi sekolah. Semalam cikgu disiplin dah mai serang aku. Dia dok tanya awat hang tak pi sekolah!”

“Ni awat yang dok bising-bising ni?”


“Pagi-pagi dah cari pasai dengan saya. Ada patot dia tak mau pi sekolah”. (m/s 40)

“Alahh. Kan ayah dok tolong hang, tak kan hang tak mau tolong ayah pulak?” (m/s 42)

“Jom jala. Hang jangan nak menjerit. Satgi aku tumbuk muka hang!” (m/s 43)

Petikan 10: Untuk melihat gaya peribadi

Selain itu, gaya peribadi Azwar Kamaruzaman banyak menggunakan unsur dramatik atau gaya bahasa di dalam novel *Nasi Kangkang*. Pengkaji telah membuat tahap kekerapan penggunaan unsur dramatik di dalam novel ini. Misalnya



Rajah 3: Peratusan Unsur Dramatik

Hasil analisis mendapati, penulis novel ini banyak menggunakan unsur dramatik simile di dalam novel ini iaitu sebanyak 55%. Penggunaan simile tersebut dapat membandingkan satu perkara dengan perkara yang lain di dalam novel ini. Penulis novel ini juga gemar menggunakan gaya bahasa hiperbola di dalam novel ini kerana penggunaan hiperbola adalah kedua tertinggi iaitu sebanyak 27%. Dalam sesuatu novel, penulis ingin menyatakan sesuatu secara berlebih-lebihan daripada maksud yang sebenarnya. Jadi penulis novel ini iaitu Azwar Kamaruzaman banyak menggunakan hiperbola di dalam novel *Nasi Kangkang*. Selain itu, gaya peribadi penulis novel ini tidak menggemari dalam menggunakan unsur dramatik metafora dan personifikasi kerana penggunaannya hanya 9%. Bagi melihat contoh-contoh penggunaan unsur bahasa dramatik. Oleh itu, gaya peribadi penulis novel *Nasi Kangkang* ini iaitu Azwar Kamaruzaman lebih kerap menggunakan aspek diksi seperti slanga dan dialek Utara. Manakala penggunaan unsur dramatik, penulis novel ini lebih gemar menggunakan simile dan hiperbola dalam novel tersebut.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat menunjukkan dan menghuraikan bagaimana penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie yang banyak menggunakan aspek diksi seperti slanga, dialek, bahasa asing dan sebagainya serta banyak menggunakan unsur dramatik atau gaya bahasa seperti karya-karya novel yang lain. Selain itu, kajian ini dapat menambahkan lagi kajian-kajian berkaitan dengan stilistik khususnya terhadap novel sastera Indie yang sangat berkurangan dan terhad kajiannya berdasarkan sorotan-sorotan kajian lepas kerana sastera Indie ini masih baru kewujudannya di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dapat memberi panduan kepada pengkaji lain sekiranya mahu membuat kajian yang berkaitan dengan stilistik. Kajian ini boleh dijadikan panduan atau rujukan untuk pengkaji lain yang berminat untuk membuat kajian stilistik khususnya terhadap novel Sastera Indie. Dapat dirumuskan bahawa, kajian ini sebenarnya dapat memberi maklumat tentang definisi sastera Indie, buku-buku Indie dan sebagainya. Hal ini demikian kerana kewujudan sastera Indie di Malaysia khususnya sangat baru dan kajian-kajian yang berkaitan dengan sastera Indie sangat berkurangan. Oleh itu, kajian ini boleh memberi maklumat tambahan mengenai sastera Indie dan gaya-gaya penggunaan bahasa dalam karya sastera Indie.

RUJUKAN

- Aminudin, M. (1995). *Pengantar Apresiasi Sastra*. Bandung: Sinar Baru Algesindo.
- Azhar, M. S. (2005). *Gaya bahasa dalam novel remaja Khairuddin Ayip*, (Master's Thesis, Universiti Putra Malaysia, Serdang Malaysia).
- Azwar, K. (2014). *Nasi Kangkang*. Selangor: Lejen Press.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods (3rd ed.)*. Oxford: Oxford University Press.
- Crystal, D. (1985). *A dictionary of linguistics and phonetics*, Great Britain: Cornwall press Ltd.
- Hassan, A. (1990). *Stilistik: satu pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar, M. F. (2006). Aspek gaya bahasa dalam teks sastera Melayu berunsur Islam. *Jurnal Pengajian Umum*, 7(53), 53-66.
- Joyce, M. H. (2011). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kusnin, S. N. H., & Wahab, M. R. (2016). Laporan awal: Sorotan fenomena buku indie di Malaysia. *Laporan Kajian Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan*.
- Leech, G.N. dan Short, M.H. (1984). *Style in Fiction*. London and New York: Longman.
- Marini, E. (2010). *Analisis stilistika novel Laskar Pelangi karya Andrea Hirata*, (Master's Thesis, Universitas Sebelas Maret Surakarta, Indonesia).
- Marwandi, S. (2013). *Analisis gaya bahasa dalam novel Laila Majnun karya Nizami*, (Master's Thesis, Universitas Maritim Raja Ali Haji Tanjung Pinang, Indonesia).
- Mohd Khairul Adenan. (2017). *Penggunaan bahasa dalam novel sastera indie "Nasi Kangkang" karya Azwar Kamaruzaman: Satu analisis stilistik*. (Unpublished final year project).Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* (Unpublished final year project). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1).
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2012). *Laporan Tahunan 2011*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Suliman, M. S. (2016). *Penerapan teori stilistik dan teksdealisme bagi menganalisis puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim*, (PhD's Thesis, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Sujud, A. (2014). *Stilistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trisanto, T., Syam, C., & Seli, S. (2013). Gaya bahasa dalam kumpulan cerpen Kacapiring karya Danarto: Sebuah kajian stilistika. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 2(9), 1-16.
- Webber, J. J. (1989). *The stylistics reader*. London: Arnold.